

11/05/2002

Ahli MCA tidak patuh arahan kekal kepimpinan

Wan Esuriyanti Wan Ahmad; Teh Kian Keat

KUALA LUMPUR, Jumaat - Ahli MCA gagal mematuhi persetujuan pucuk pimpinan supaya mengekalkan status quo apabila sekurang-kurangnya 45 daripada 166 bahagian mengemukakan lebih daripada satu senarai pencalonan.

Sehingga tamat tempoh penamaan calon pada jam 8 malam ini, 10 negeri menyaksikan pertandingan untuk pelbagai jawatan pada peringkat bahagian.

Negeri berkenaan ialah Wilayah Persekutuan, Selangor, Pulau Pinang, Kedah, Perak, Johor, Negeri Sembilan, Terengganu, Sabah dan Pahang.

Antara yang bakal ditentang ialah Setiausaha Agung parti, Datuk Seri Dr Ting Chew Peh di Gopeng dan Ahli Jawatankuasa Pusat (CC), Datuk Hon Choon Kim di Seremban, manakala Speaker Dewan Negara, Datuk Michael Chen ditentang oleh Ahli CC, Cham Owi Tong di Cheras.

Di Wilayah Persekutuan, tiga daripada 11 bahagian menghadapi pertandingan iaitu Seputeh, Cheras dan Bukit Bintang, manakala di Selangor, 11 daripada 17 bahagian mengemukakan lebih dari satu senarai termasuk Kapar, Ulu Langat, Kuala Langat, Ampang Jaya, Kuala Selangor, Tanjung Karang dan Petaling Jaya Utara.

Di Pulau Pinang pula, lima daripada 11 bahagian menghadapi cabaran yang sama iaitu di Bagan, Bukit Mertajam, Balik Pulau, Tanjung dan Tasek Gelugor, manakala di Perak, lima bahagian iaitu Bagan Datoh, Teluk Intan, Gopeng, Parit Buntar dan Pasir Salak.

Di Kedah pula, sembilan daripada 15 bahagian, termasuk Pokok Sena, Kuala Kedah, Kubang Pasu dan Pendang. Bagi Johor, lima daripada 20 bahagian turut enggan mematuhi pencalonan satu senarai apabila bahagian Pagoh, Parit Sulong, Batu Pahat, Segamat, Kota Tinggi, Pulau, Tebrau dan Sungai Benut mengemukakan lebih daripada satu senarai.

Di Negeri Sembilan, Seremban, Rasah dan Teluk Kemang menyaksikan pertandingan, manakala di Pahang membabitkan dua bahagian.

Bagi Terengganu pula, hanya dua bahagian iaitu Kemaman yang menerima lebih daripada satu senarai pencalonan.

Hanya Kelantan, Perlis dan Melaka yang mematuhi arahan parti apabila tidak ada pertandingan bagi semua bahagian di negeri itu.

Dr Ting, ketika dihubungi tidak dapat memberikan jumlah tepat kerana memerlukan masa untuk mengumpulkan butiran.

Katanya, Jawatankuasa Khas Sembilan Anggota akan mengadakan mesyuarat esok bagi membincangkan perkembangan terbaru ini.

Sebelum ini, dua kumpulan bertelagah dalam MCA bersetuju untuk mengekalkan kepimpinan sedia ada, termasuk pada peringkat bahagian, negeri dan pusat sehingga 2005.

Kesepakatan itu dicapai sebagai menyokong agenda kedamaian dan kestabilan yang dicadangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi mengakhiri kemelut kepimpinan MCA yang berlarutan sejak lebih dua tahun lalu.

Perkembangan itu jelas bercanggah dengan harapan Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik pagi ini yang yakin semua pemimpin MCA pusat dan negeri mematuhi agenda itu.

Beliau berkata, pihaknya akan terus mengadakan perjumpaan dengan semua ahli MCA seluruh negara untuk menjelaskan matlamat satu senarai pada pemilihan parti Jun ini.

"Kami akan bekerjasama untuk memastikan matlamat status quo pada semua peringkat tercapai dan hingga pagi ini, kebanyakan negeri sudah mencapai 95 peratus status quo," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat kedua

Jawatankuasa Khas Sembilan Anggota di Wisma MCA.

Dr Ling berkata, MCA tidak akan memaksa pemimpin membuat keputusan bertentangan dengan kehendak mereka.

"Status quo kekal kecuali ada pihak yang ingin bersara atau melepaskan jawatan secara sukarela.

"Kekosongan akan diisi melalui perbincangan," katanya.

(END)